

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN
[BATU]**

TARIKH : 7 OGOS 2018 (SELASA)

SOALAN : 70

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (KEJARA) pada ketika ini dan bilakah ianya akan mula dikuatkuasakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kadar kemalangan jalan raya dan statistik pengguna jalan raya yang terlibat dalam kemalangan maut di Malaysia masih berada pada tahap yang membimbangkan. Pada tahun 2017, seramai 6,740 nyawa terkorban dalam kemalangan jalan raya di Malaysia iaitu bersamaan 18 kematian setiap hari. Kerajaan bertekad untuk melaksanakan pembaharuan dasar agar keselamatan jalan raya dapat dipertingkatkan dan bilangan nyawa yang terkorban dan cedera dapat diturunkan ke tahap yang menghampiri piawaian negara-negara maju. Antara inisiatif Kerajaan bagi mendidik pengguna jalan raya adalah dengan pelaksanaan Sistem Mata Demerit yang telah berkuat kuasa pada 15 April 2017. Matlamat utama pelaksanaan Sistem Mata Demerit versi baharu ini ialah untuk melahirkan pemandu-pemandu yang patuh kepada peraturan undang-undang lalu lintas. Di bawah Sistem Mata Demerit ini, pemandu-pemandu yang sering melakukan kesalahan lalu lintas akan diberikan mata demerit dan akhirnya lesen memandu (CDL) akan digantung dan dibatalkan. Oleh itu pemandu-pemandu yang lesen memandu (CDL) mereka yang telah digantung dan dibatalkan tidak layak berada di jalan raya. Kerajaan akan menilai keberkesanan sistem ini dari semasa ke semasa.

Prosedur pemberian mata demerit kepada pesalah lalu lintas yang melakukan kesalahan berjadual mata demerit adalah seperti berikut:

- (a) Kumpul 20 mata pertama pesalah akan diberi Amaran
- (b) Kumpul 20 mata kedua CDL digantung kali pertama 6-8 bulan
- (c) Kumpul 20 mata ketiga CDL digantung kali kedua 8-10 bulan
- (d) Kumpul 20 mata keempat CDL digantung kali tiga 10-12 bulan

Lesen CDL akan di batalkan apabila pesalah dalam tempoh lima tahun telah menjalani tempoh penggantungan CDL sebanyak tiga kali.

Bagi pemegang lesen memandu percubaan (PDL) pula, lesen PDL akan dibatalkan apabila pemegang lesen PDL melakukan kesalahan berjadual mata demerit dan mengumpul 20 mata atau lebih.

Implikasi kepada penggantungan dan pembatalan lesen CDL ialah seperti berikut:

- (a) pemegang lesen CDL dilarang memandu dalam tempoh penggantungan atau pembatalan;
- (b) pemegang lesen CDL dilarang memohon lesen dalam tempoh penggantungan atau pembatalan;
- (c) lesen memandu kenderaan barangan (GDL) dan lesen memandu kenderaan perkhidmatan awam (PSV) turut digantung atau dibatalkan.